



سكوله منعه سائس كوبيغ فاسو

SEKOLAH MENENGAH SAINS KUBANG PASU

(SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI)

BATU 19, JALAN KODIANG,

06000 JITRA,

KEDAH DARUL AMAN.



No. Tel. : 04-925 7855

No. Faks : 04-925 7844

Emel : KEA4068@moe.edu.my

Kod Sekolah : KEA 4068

Ruj.Kami: KUPSIS.700-6/1/1

Tarikh: 02 Januari 2022

**Ibu Bapa/Penjaga & Murid Tingkatan 4 dan 5**

SM Sains Kubang Pasu

Tuan,

**PEMAKLUMAN MURID TINGKATAN 4 DAN 5 KEMBALI KE ASRAMA BAGI SESI PERSEKOLAHAN PENGGAL 3, 2021/2022**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Kenyataan Media Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertarikh 24 Disember 2021 telah mengumumkan bahawa tarikh sesi persekolahan Penggal 3, 2021/2022 akan bermula pada **9 Januari 2022** bagi sekolah Kumpulan A (Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu) dan Kenyataan Media Kementerian Pendidikan Malaysia Pengoperasian Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Bagi Sesi Persekolahan Penggal 3, 2021/2022 bertarikh 31 Disember 2021

3. Sehubungan dengan itu, **semua murid Tingkatan Tingkatan 4 dan 5** dikehendaki kembali ke asrama secara berperingkat mengikut ketetapan tarikh dan masa serta menjalani Ujian Kendiri COVID-19 mengikut jadual seperti berikut:

Tarikh	Kelas	Masa	Pakaian	Tempat Ujian Kendiri COVID-19
<b>8 Januari 2022</b> <b>Sabtu</b>	4N & 4W	8.30-9.00 pagi	Pakaian rasmi outing/ Korporat	Dewan Bitara SM Sains Kubang Pasu
	4F & 4R	9.00-9.30 pagi		
	4J & 5N	9.30-10.00 pagi		
	5W & 5F	10.00-10.30 pagi		
	5R & 5J	10.30-11.00 pagi		

Nota:

- \* Sila patuhi tarikh dan masa yang ditetapkan. Kenderaan ibubapa/penjaga dibenarkan masuk ke kawasan sekolah dan dataran asrama.
- \* Ibubapa / Penjaga yang mempunyai anak di dua tingkatan berbeza boleh memilih salah satu tarikh dan masa yang ditetapkan.

- \* **Semua murid tidak perlu membawa telefon bimbit /ipad/tablet** kerana komputer dan akses internet di bangunan akademik/asrama serta kemudahan telefon disediakan untuk kegunaan pelajar
- \* Pengurusan sekolah adalah berdasarkan Garisan Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0 dan surat pekeliling iktisas, surat siaran, arahan dan peraturan yang sedang berkuatkuasa.
- \* **Murid Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 3 akan mengikuti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).**

4. Semua murid Tingkatan 4 dan 5 dikehendaki mengisi **Borang Pengisytiharan Kesihatan** dengan lengkap dan jujur bersama **Surat Kebenaran Ibu Bapa/Penjaga bagi tujuan Ujian Kendiri COVID-19**. Kedua-dua perkara ini perlu diserahkan kepada pihak sekolah semasa pendaftaran balik ke asrama.

5 Murid yang sihat dan tidak dalam tempoh menjalani kuarantin / bukan kontak rapat kes positif COVID-19 sahaja dibenarkan kembali ke asrama. Ibu bapa/Penjaga adalah diminta untuk memaklumkan secara rasmi akan ketidakhadiran anak/anak jagaan kepada pihak sekolah sebelum atau pada hari yang sama dengan kadar segera. Ibu bapa/Penjaga dan murid juga diminta mematuhi segala *Standard Operating Procedure (SOP)* yang dikeluarkan oleh MKN, KKM, KPM, BPSBP dan pihak sekolah berkaitan pencegahan penularan COVID-19.

6. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara di atas, pihak tuan boleh hubungi En. Azami bin Man, Penolong Kanan HEM ditalian 019-4173310, Pn. Mazliza bt Kassim, Setiausaha HEM ditalian 012-4092709 atau Cik Faridah bt Abdul Jabbar, Setiausaha Warden ditalian 017-4573990.

7. Segala kerjasama dan perhatian tuan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terimakasih.

Sekian.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“PENDIDIIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(NAZRI BIN MOHD MUHSIN)**

Pengetua  
Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu

s.k YDP PIBG SM Sains Kubang Pasu